

BAHAN DISEDIAKAN OLEH GURU JURULATIH UTAMA DAN GURU PAKAR MATA PELAJARAN

Pertandingan menulis tawar biasiswa

PUSAT pembelajaran Cambridge English For Life Sdn. Bhd. (CEFL) menganjurkan pertandingan menulis cerita pendek bagi murid sekolah rendah yang berumur antara sembilan dan 12 tahun.

Pertandingan yang dikenali sebagai *Publish It!* itu mendapat kerjasama *Utusan Malaysia* dan tarikh tutup pertandingan ialah pada 31 Mac 2011.

Ketua Pengawai Eksekutif CEFL, **Elsie Chin** berkata, pertandingan itu dianjurkan bagi menggalakkan minat menulis dan membaca dalam kalangan murid-murid bermula dari sekolah rendah.

"Murid-murid juga secara tidak langsung akan dapat melatih diri mereka untuk memperkasakan bahasa Inggeris melalui pertandingan seperti ini.

"Pertandingan ini juga merupakan platform bagi murid-murid untuk menulis selain membantu menambahkan minat menulis dalam bahasa Inggeris," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat ECFL, Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

Menurutnya lagi, kanak-kanak dalam lingkungan umur tersebut lebih cenderung kepada aktiviti berbentuk pertandingan lebih-lebih lagi yang menawarkan hadiah-hadiah menarik.

"Petandingan ini pasti menjadi lebih menarik dengan tawaran hadiah utama berupa biasiswa selama satu tahun untuk mengikuti pembelajaran di mana-mana cawangan Cambridge For Life di seluruh negara bernilai RM5,000," ujarnya.

Jelas beliau, melalui pertandingan yang dianjurkan ini, ia juga dilihat mampu untuk membantu meringankan beban guru di sekolah.

"Murid-murid juga akan belajar untuk menulis dengan gaya lebih formal selain dapat mengekalkan kemahiran berbahasa dalam kalangan mereka agar kemahiran itu tidak hilang jika hanya digunakan di sekolah sahaja," katanya.

Tambahnya lagi, pihak CEFL mengadakan kerjasama dengan *Utusan Malaysia* kerana akhbar ini merupakan satu-satunya akhbar bahasa Malaysia yang mempunyai ruangan pendidikan



SEBAHAGIAN bahan P&P yang terdapat di pusat Pembelajaran Cambridge English For Life di Petaling Jaya, Selangor.

berbahasa Inggeris iaitu sisipan e-Lab yang terbit setiap Selasa.

"Dengan pendekatan ini, ia secara tidak langsung akan dapat menarik lebih ramai peserta terutamanya murid-murid berbangsa Melayu untuk menyertainya.

"Para peserta juga digalakkan untuk menulis dengan lebih kreatif dengan mengaplikasikan beberapa perkataan yang diberikan untuk disesuaikan dalam penulisan mereka.

"Dengan itu, pertandingan ini tentunya akan dapat meningkatkan keyakinan murid seterusnya melonjakkan semangat untuk bersaing di kalangan mereka selain dapat mengharumkan nama sekolah," jelas beliau.

Elsie Chin memberitahu, selain merupakan produk tempatan, pusat pembelajaran ini turut mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa kerana mutu pendidikan yang disediakan.

"Oleh itu, diharap lebih ramai pelajar tidak kira dari sekolah rendah, sekolah mene-

ngah, pelajar universiti dan sebagainya untuk datang ke Cambridge For Life bagi meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris mereka.

"Dengan pengalaman selama 16 tahun dalam bidang pendidikan, CEFL yakin untuk memberikan pengalaman pembelajaran serta mutu pendidikan yang berkualiti kepada pelajar-pelajarnya," tambahnya lagi.

CEFL mempunyai kira-kira 40 cawangan di seluruh negara kecuali di Sarawak dan dikenali sebagai pusat pembelajaran dan akreditasi bagi pengajian bahasa Inggeris, matematik dan pendidikan awal kanak-kanak.

"Kelebihan pusat pembelajaran ini berbanding pusat pembelajaran seumpamanya ialah memberi penumpuan sepenuhnya kepada pelajar.

"Dengan bilangan pelajar yang kecil dalam sesebuah kelas, guru atau pengajar akan dapat memberi fokus yang lebih kepada setiap pelajar mereka manakala



ELSIE CHIN

“Silibus dan bahan pengajaran yang digunakan adalah setanding dengan mutu pembelajaran antarabangsa dan diimport sepenuhnya.”

para pelajar pula akan mendapat kefahaman yang menyeluruh.

"Pengajar dan para pelajar juga akan dapat berinteraksi dengan lebih kerap dan komunikasi dua hala dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

"Hal ini penting bagi menjamin kualiti pembelajaran seseorang pelajar serta mengelakkan mereka daripada ketinggalan dalam kelas," jelas beliau.

Terangnya lagi, pusat pembelajaran ini juga lebih memen-

tingkan pelajar membuat penyelidikan sendiri dalam mencari jawapan atau melakukan tugas yang diberikan oleh pengajar.

"Silibus dan bahan pengajaran yang digunakan adalah setanding dengan mutu pembelajaran antarabangsa dan diimport sepenuhnya.

"Pendedahan yang digunakan pula adalah lebih menarik serta menggunakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang kreatif," katanya.

SEKOLAH RENDAH
AKHBAR DALAM PEMBELAJARAN

Adap

UPSR

BERITA

Ulen: MUHAMMED SALEHUJIN AMAN

Grand prize:

1 x Scholarship(*) for one (1) year English language course with Cambridge English For Life and other attractive prizes.
Consolation prizes: 9

Publish It!

A short story writing competition by E-Lab and Cambridge English For Life



Competition Mechanism

In less than 250 words, write a short story in English

- ★ which is fictional;
- ★ that ends like this "..... it could have been so different if all this had never happened." ;
- ★ that includes these 3 words: fabulous, frantic and foremost.

Entry Form

• Name (according to MyKad / MyKid / Birth Cert.) _____

• Correspondence address _____

_____ • Age _____ • Gender _____

• MyKad / MyKid / Birth Cert. _____ • Email _____ • Contact no. (Hse) _____ (HP) _____

Are you an existing CEFL student? Yes No (If yes, please state the centre's name: _____)

Rules & Regulations

1. This competition is open to Malaysians aged 9-12.
2. Employees of Cambridge English For Life and Utusan Malaysia and their immediate family members are not eligible to participate in this competition.
3. Competition will be marked based on the following criteria: creativity, usage of accurate grammar and vocabulary and correct spelling.
4. Each participant is entitled to only one (1) entry. Original entry form and short story are to be submitted by post to the address below. Please indicate clearly on the front of the envelope, Publish It!
5. All stories must be handwritten and be legible.
6. Cambridge English For Life and Utusan Malaysia reserve the right to use the names and / or photographs and stories of the winners for the purpose of advertising, trade and / or publicity, without any prior notice to the winners and the winners shall not be entitled to claim ownership of or other forms of compensation for the materials.
7. Judges' decision is final and no correspondence will be entertained.
8. The competition closing date is 31 March 2011.
9. Winners will be notified through electronic mail and telephone. For winners staying outside the Klang Valley any costs incurred arising from prize redemption will be borne by them.
10. (*)The grand prize scholarship covers tutorial fees for one year only. Registration, material and book fees will be borne by the winner.

Cambridge English For Life Sdn Bhd (386971-H), A-1-10, Merchant Square, No. 1, Jalan Tropicana Selatan 1, PJU3, 47410 Petaling Jaya, Selangor
Website: www.cambridgeforlife.org